

UMS akan teruskan program khidmat komuniti

BH 23.03.2012 12

KUNDASANG: Program khidmat komuniti Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan diteruskan sebagai saluran pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu menimba pengetahuan berkhidmat dengan masyarakat luar.

Program dimulakan pada 2009 itu juga boleh dijadikan pendekatan pelajar UMS menjalankan interaksi dan berkomunikasi dengan penduduk, sekali gus memudahkan mereka memahami isu komuniti.

Pensyarah Program Kerja Sosial UMS, Peter Voo Su Kiong, berkata kegiatan sedemikian memberi pendedahan kepada pelajar UMS selepas mempelajari teori berkaitan kerja sosial komuniti dan organisasi di bilik kuliah.

“Program itu penting bagi pelajar mengenali kewujudan profesion kerja sosial yang menjadi sebahagian daya penggerak ke arah membantu kebajikan individu dan komuniti. Ia akan membolehkan mereka menjadi anggota masyarakat berkualiti demi kemajuan dan pembangunan negara.

“Berikutnya itu, aktiviti ini akan diteruskan sebagai program wajib tahunan untuk pelajar program kerja sosial UMS,” katanya.

Terbaru, program khidmat komuniti UMS diadakan di Kampung Mesilou selama tiga hari dua malam dan disertai 77 pelajar dari Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial UMS, diketuai Nik Hanisah Nik Abu Bakar.